



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA



ILKEM

BULETIN
EDISI 3/2023



www.cgso.gov.my



cgso



cgso_news

ISI KANDUNGAN

- PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
- DARI MEJA PENGARAH ILKEM
- KENAPA TARIKH 31 OGOS 1957 DIPILIH SEBAGAI TARIKH KEMERDEKAAN
- ARTIKEL PENCEROBOHAN DI KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN
- ARTIKEL ETIKA BERPAKAIAN PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)
- ARTIKEL PEGAWAI AWAM TONGGAK KERAJAAN
- ARTIKEL MASALAH MEROKOK DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH
- RINGKASAN KURSUS/BENGKEL/PEPERIKSAAN JULAI HINGGA SEPTEMBER 2023
- JUMLAH PESERTA KURSUS/BENGKEL/PEPERIKSAAN
- BERITA PERKHIDMATAN
- AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIADAKAN DI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
- PROGRAM SEMARAK MERDEKA
- PROGRAM KEMBARA MERDEKA
- TAKLIMAT EKSEKUTIF "RASUAH, STRES DAN PENGORBANAN
- LATIHAN KEBOMBAAN DAN LATIHAN CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR)
- PUISI BAYANG-BAYANG
- PUSAT SUMBER INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

| | |
|----------|--|
| MS 2 | |
| MS 3 | |
| MS 4-5 | |
| MS 6-7 | |
| MS 8 | |
| MS 9 | |
| MS 10-11 | |
| MS 12-14 | |
| MS 15 | |
| MS 16-17 | |
| MS 18-27 | |
| MS 28 | |
| MS 29 | |
| MS 30 | |
| MS 31 | |
| MS 32 | |
| MS 33-34 | |

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail

PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip

KETUA PENGARANG

Encik Roselan bin Mohamed

PENULISAN ARTIKEL

Encik Mohd Radzi bin Jamalluddin

Tuan Haji Azali bin Bachok

Encik Masfairuddin bin Masjidil

Encik Noraindillah bin Ayub

PEGAWAI PENYELARAS

Encik Mohd Ahmadshah bin Othman

Encik Mohd Amirul Hafiz bin Abdul Halim

Puan Harafeah binti Harun

PEREKA GRAFIK

Encik Yuhazan bin Yunus

PEMBANTU PEREKA GRAFIK

Encik Mohd Amirul Hafiz bin Abdul

Halim



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH
KESELAMATAN KERAJAAN



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani. Alhamdulillah, saya ingin merakamkan ucapan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Buletin ILKEM Edisi Ketiga Tahun 2023 berjaya diterbitkan. Sesungguhnya usaha menghasilkan bahan penerbitan ini adalah suatu tanggungjawab yang perlu dipikul bersama-sama oleh pasukan Sidang Redaksi Buletin ILKEM dan seluruh warga kerja CSGO bagi menghasilkan artikel yang berkualiti dan bermanfaat.

Pelan Transformasi CGSO 2030 dan Pelan Strategik CGSO 2023-2025 dibangunkan selaras dengan konsep Membangun Malaysia Madani bagi membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa dari segi ekonomi, sosial, berdaya cipta dan kreatif. Kedua – dua pelan ini menggariskan strategi dan inisiatif tindakan yang berfokus kepada keberhasilan yang ingin dicapai selaras dengan visi dan misi CGSO. CSGO berazam untuk melaksanakan semua program yang terkandung dalam lima (5) teras strategik bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Tanggungjawab ini dilihat semakin mencabar memandangkan pelbagai isu kontemporari yang menuntut CGSO untuk memiliki hala tuju serta perancangan masa depan yang strategik dan holistik. CGSO sentiasa komited ke arah memperhebat inisiatif transformasi penyampaian perkhidmatan awam melalui usaha memberi khidmat nasihat terhadap semua perkara berkenaan Keselamatan Perlindungan di Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta Instalasi Sasaran Penting seluruh negara.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin ILKEM. Saya amat menghargai dedikasi dan kesungguhan Sidang Redaksi Buletin ILKEM dalam merealisasikan penerbitan Buletin ini. Penerbitan Buletin ILKEM ini merupakan satu kebanggaan kepada CGSO dan mencerminkan kesungguhan CGSO dalam menggembangkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan.

Buletin ini merupakan wadah penghubung penting dalam memupuk budaya keselamatan di kalangan penjawat awam khususnya warga CGSO. Tinggi harapan saya agar Buletin ILKEM dapat diteruskan dengan kualiti yang dipertingkatkan lagi. Saya sangat optimis edisi kali ini dapat memberikan banyak maklumat yang bermanfaat untuk tatapan warga perkhidmatan awam dalam usaha meningkatkan budaya perkongsian pengetahuan bagi melaksanakan perkhidmatan Keselamatan Perlindungan.

Sekian, terima kasih.

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

DARI MEJA PENGARAH



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia
Madani

Alhamdulillah , kita dapat dipertemukakan sekali lagi melalui Buletin ILKEM Edisi 3 tahun 2023.Terlebih dahulu saya bagi pihak Jawatankuasa Sidang Redaksi Buletin ILKEM mengucapkan setinggi penghargaan kepada warga ILKEM dan CGSO kerana sudi memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi, bagi menyempurnakan Buletin ILKEM Edisi 3 bagi tahun 2023.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Jawatankuasa Sidang Redaksi Buletin ILKEM yang bertungkus lumus dalam mengerah keringat serta menukil idea sehingga terbitnya Buletin ILKEM Edisi 3/2023. Saya harap agar sokongan padu dan tenaga kerja yang disumbangkan akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T. Sesungguhnya keikhlasan bekerja kerana Allah S.W.T akan mendapat kepuasan yang tidak terhingga.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga ILKEM dapat bergerak selari dengan hasrat kerajaan dan saya amat berbesar hati atas semua sumbangan warga ILKEM atas kejayaan semua dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan sepanjang tahun 2023.



Encik Roselan Bin Mohamed
Pengarah
Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)

KENAPA TARIKH 31 OGOS 1957 DIPILIH SEBAGAI TARIKH KEMERDEKAAN



Jom ketahui secara ringkas kenapa 31 Ogos dipilih sebagai hari kemerdekaan!

Kenapa 31 Ogos 1957 dipilih sebagai Hari Kemerdekaan bagi Tanah Melayu . Tanggal 31 Ogos pada tahun 1957, di Dataran Padang Hilir, lebih 100 000 penduduk Tanah Melayu telah menyaksikan laungan keramat ‘Merdeka’ sebanyak tujuh kali oleh Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Gemaan laungan keramat tersebut merupakan bahagian kemuncak yang menandakan kemerdekaan Tanah Melayu daripada jajahan British.

Apakah sebab di sebalik pemilihan tarikh 31 Ogos

Namun begitu, pernah tak anda bertanya-tanya apakah sebab di sebalik pemilihan tarikh 31 Ogos sebagai tarikh pengisytiharan kemerdekaan dan kisah di sebalik tarikh tersebut?




Bagi menentukan tarikh yang ideal, Tunku Abdul Rahman pada awalnya berpendapat bahawa beliau perlu mendapatkan pandangan dari Mufti Pulau Pinang, Syeikh Abdullah Fahim Datuk kepada Tun Dato' Seri Abdullah Badawi bin Haji Ahmad Badawi yang merupakan seorang pakar dalam ilmu Fasak.

Kemudian, mesyuarat itu dihadiri oleh Ketua Pemuda UMNO, timbalannya Syeikh Abdullah Fahim, telah memutuskan pemilihan tarikh 31 Ogos sebagai tarikh kemerdekaan Tanah Melayu.

Tarikh Pengisytiharaan Kemerdekaan Tanah Melayu

Walau bagaimanapun, pihak British bersetuju dengan tarikh tersebut sebagai tarikh pengisytiharaan kemerdekaan Tanah Melayu yang kini digelar Malaysia, terdiri daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sebenarnya, pengisytiharan Gagasan Malaysia juga sepatutnya diadakan pada 31 Ogos, tetapi kelewatan laporan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menyebabkan tarikh pengisytiharan Malaysia ditunda kepada 16 September 1963.



Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menghantar rombongan

Sebelum itu, Setiausaha Agung PBB menghantar rombongan diketuai Lawrence Michaelmore ke Sabah dan Sarawak dari 16 Ogos hingga 5 September 1963 dan mendapat majoriti rakyat Sabah serta Sarawak menyokong Gagasan Malaysia. Sebab itu lah tarikh kemerdekaan sebenar Sabah dan Sarawak berbeza daripada tarikh kemerdekaan Tanah Melayu.

Walaupun Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan sedikit lambat dibandingkan Tanah Melayu, tarikh 31 Ogos tetap disambut dengan semangat patriotik yang tinggi oleh masyarakat Sabah dan Sarawak.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-66 semua!

SUMBER RUJUKAN:

www.iloveborneo.my/kenapa-31-ogos-1957-dipilih-sebagai-hari-kemerdekaan-bagi-tanah-melayu/



PENCEROBOHAN DI KAWASAN LARANGAN DAN TEMPAT LARANGAN

ENCIK MOHD RADZI BIN JAMALLUDDIN

PENGARAH

BAHAGIAN SASARAN PENTING KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN

Kebelakangan ini kes-kes pencerobohan di Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLTL) semakin kerap dilaporkan dalam media massa. Selain yang dilaporkan dalam media, banyak juga kes-kes seperti ini yang tidak mendapat perhatian media, tetapi diterima oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). Pihak CGSO adalah agensi pusat yang bertanggungjawab dalam pengurusan KLTL selalu menerima laporan berhubung kejadian pencerobohan ini.

Kes-kes pencerobohan KLTL ini bukan sahaja melibatkan premis di darat, ia turut melibatkan pepasangan di laut seperti pelantar minyak dan gas.



Antara premis di darat yang berisiko untuk dicerobohi adalah seperti kawasan istana, lapangan terbang dan stesen pemancar gelombang. Suspek-suspek penceroboh ini apabila ditahan dan disoal siasat sering menggunakan alasan tidak tahu premis berkenaan adalah KLTL, sesat atau menghadapi masalah mental. Kes-kes pencerobohan KLTL di laut pula sering melibatkan nelayan tempatan dan warga asing serta para pemancing. Alasan yang sering digunakan untuk kawasan tersebut ialah dengan menyatakan banyaknya ikan atau ingin berlindung semasa musim monsun.



Apa itu Kawasan Larangan dan Tempat Larangan?

Menurut Seksyen 4(1) Akta KLTL tahun 1959 (Akta 298) " Jika berhubungan dengan mana-mana kawasan pada hemat Menteri adalah perlu atau suai manfaat bahawa langkah-langkah khas patut diambil bagi mengawal pergerakan dan kelakuan orang-orang di dalamnya, dia boleh dengan perintah mengisytiharkan kawasan itu sebagai kawasan larangan bagi maksud-maksud Akta ini"



Manakala berdasarkan Seksyen 5(1) pula menyatakan "Jika berhubung dengan mana-mana premis pada hemat Menteri adalah perlu atau suai manfaat bahawa tindakan berjaga-jaga yang khas hendaklah diambil bagi mencegah kemasukan ke dalamnya orang-orang yang tidak dibenarkan, Menteri boleh dengan perintah mengisytiharkan premis tersebut sebagai tempat larangan bagi maksud-maksud Akta ini; dan selagi perintah ini berkuatkuasa tiada seorang pun boleh berada di premis tersebut melainkan jika dia memiliki paskad atau permit yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa atau yang dinyatakan dalam perintah itu, atau telah menerima kebenaran pegawai berkuasa yang bertugas di premis untuk memasuki premis itu"

Masyarakat perlu diberi kesedaran dan pendedahan mengenai betapa seriusnya kesalahan menceroboh KLTL atau memasukinya tanpa kebenaran. Seksyen 7 Akta 298 memperuntukkan hukuman bagi kesalahan menceroboh KLTL ialah penjara selama tempoh dua (2) tahun atau denda satu ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 9 pula menyatakan mana-mana orang yang cuba memasuki KLTL dan tidak berhenti setelah dicabar tiga (3) kali oleh Pegawai Berkuasa boleh ditangkap dengan kekerasan di mana kekerasan itu jika perlu boleh berlanjutan sehingga menyebabkan kematian dengan sengaja.

Sesuatu premis yang diisyiharkan sebagai KLTL mempunyai justifikasi yang kukuh mengapa ia berbuat demikian.



Tertuduh (tengah) dijatuhi hukuman penjara 12 bulan selepas didapati bersalah kerana menceroboh masuk kawasan KKIA. - Foto Juwan Riduan

Ini kerana premis berkenaan merupakan aset bernilai tinggi seperti stesen janakuasa elektrik, loji rawatan air, pelabuhan, lapangan terbang, pepasangan ketenteraan, depoh-depoh simpanan strategik, pelantar minyak, gas dan pelbagai lagi, semua premis ini mempunyai kepentingan sangat strategik kepada perjalanan ekonomi negeri, pertahanan, perdagangan dan kerahsiaan Kerajaan.

Setiap anggota masyarakat wajib patuh dan akur akan pelaksanaan Akta 298 ini, malah mereka perlu berkerjasama dengan pihak berkuasa dengan melaporkan sebarang aktiviti atau pergerakan mencurigakan di premis KLTL yang berdekatan dengan kediaman mereka.



ETIKA BERPAKAIAN PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)

TUAN HAJI AZALI BIN BACHOK
KETUA UNIT INTEGRITI

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) merupakan salah satu organisasi yang sering berurusan dengan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi lain dalam melaksanakan tugas harian. Oleh yang demikian, keperluan mewujudkan budaya profesional termasuklah imej penampilan diri warga CGSO amat penting untuk mempamerkan tanggapan dan imej yang positif kepada semua pelanggan yang berurusan dengan CGSO.

Etika berpakaian merupakan elemen yang sangat penting kerana pakaian melambangkan keperibadian seseorang yang mencerminkan budaya kerja sesebuah organisasi. Imej seseorang itu dinilai dari beberapa aspek. Diantaranya ialah gerak-geri, cara bercakap, bahasa dan gaya yang digunakan, nada suara, kebersihan dan pakaian. Antara perkara tersebut, pakaian merupakan fokus atau tumpuan utama kerana pakaian memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan keperibadian seseorang individu.



Etika berpakaian CGSO diwujudkan supaya wujud keseragaman dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat CGSO dan selari dengan aspirasi kerajaan bagi mencerminkan kredibiliti dan imej bersesuaian dengan CGSO sebagai sebuah agensi yang memperkasakan keselamatan perlindungan secara holistik, bersepada, berimpak tinggi, berkesan dan relevan. Ianya juga dapat mempertingkatkan imej korporat CGSO disamping sentiasa menjaga etika berpakaian di mana jua berada terutama apabila terlibat dengan urusan rasmi.

"Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan Ke Pejabat ,Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia" boleh dilayari www.cgso.gov.my



PEGAWAI AWAM TONGGAK KERAJAAN

ENCIK MASFAIRUDDIN BIN MASJIDIL

PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN
BAHAGIAN KESELAMATAN PERSONEL

Kepentingan keselamatan personel dalam organisasi kerajaan adalah bertujuan untuk memastikan keutuhan pentadbiran dan tata kelola sesebuah Kementerian/Jabatan/agensi dalam perlaksanaan keselamatan perlindungan secara holistik.

Memetik kenyataan akhbar berita harian bertarikh 4 April 2016 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said, menyatakan bahawa pegawai awam wajib menjalani dan lulus tapisan keselamatan sama ada sebelum atau selepas disahkan dalam perkhidmatan. Kenyataan ini menunjukkan bahawa kerajaan amat dititik beratkan pencegahan kebarangkalian berlakunya ancaman keselamatan dalam sesebuah Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

Perenggan 159, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) menyatakan bahawa "Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan adalah kuasa pusat mengenai dasar dan pengurusan tapisan keselamatan." Semua urusan tapisan keselamatan hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Tapisan keselamatan dijalankan melalui kerjasama strategik bersama agensi-agensi lain yang berkaitan.

Terdapat dua (2) jenis tapisan keselamatan iaitu:

a)Tapisan Keselamatan Halus - Proses teliti yang digunakan bagi menapis pegawai awam, komuniti keselamatan dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam atau yang berkhidmat di kediaman rasmi Kerajaan sama ada dari dalam atau luar negara yang dikehendaki melihat rahsia rasmi pada peringkat Rahsia atau Rahsia Besar atau perkara-perkara yang boleh memudaratkan keselamatan perlindungan; dan

b)Tapisan Keselamatan Kasar - Proses asas yang digunakan bagi menapis pegawai awam, komuniti keselamatan termasuklah mereka yang berurusan dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada kerajaan di instalasi Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam atau yang berkhidmat di kediaman rasmi kerajaan sama ada dari dalam atau luar negara yang dikehendaki melihat rahsia rasmi setakat peringkat sulit atau perkara-perkara yang boleh menjadikan keselamatan perlindungan.

Atas faktor kelemahan peribadi serta risiko ancaman keselamatan maka Tapisan Keselamatan Semula perlu dilaksanakan selepas lima (5) tahun keputusan tapisan keselamatan terdahulu diterima iaitu selaras dengan perenggan 157, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2021, Tapisan Keselamatan Semula Kepada Pegawai Awam Melalui Sistem E-Vetting.

Oleh yang demikian, keselamatan personel perlu dititik beratkan oleh semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi agar pegawai awam sebagai tonggak kerajaan ini adalah dikalangan individu yang bersih, selamat dan berintegriti. Oleh itu sebagai seorang penjawat awam yang berintegriti perlu menjaga adab dan tertib dalam sebarang urusan pentadbiran kerajaan serta menjaga amanahnya pada negara, bukanlah menjadi seperti gunting dalam lipatan atau duri dalam daging yang sanggup mengadaikan sesuatu demi hawa nafsu.

Rujukan:

- 1.Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)
- 2.Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2021, Tapisan Keselamatan Semula Kepada Pegawai Awam Melalui Sistem e-Vetting.
- 3.Berita Harian bertarikh 04 April 2016



MASALAH MEROKOK DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH

NORAINDILLA BIN AYUB
PEGAWAI KESELAMATAN
KEMENTERIAN KEWANGAN

Dewasa ini kita sering kali mendengar berkaitan masalah ketagihan merokok yang terjadi di kalangan pelajar sekolah. Perkara ini bukanlah satu gejala yang baharu di kalangan rakyat Malaysia dan masyarakat sudah lama dengan perangai dan gelagat pelajar sekolah yang merokok secara terbuka di tempat awam. Adalah menjadi kebimbangan, merokok pada usia muda mampu menyumbang kepada ketagihan dadah yang lebih berbahaya seperti ganja, amphetamine dan heroin.

Saringan yang dilaksanakan pada tahun 2018 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) mendapati seramai 68,321 pelajar sekolah menengah dikesan merokok dan peratusan pelajar sekolah menengah merokok berkenaan adalah bersamaan 3.7 peratus daripada 1.9 juta pelajar sekolah yang disaring dalam program KOTAK 2018. KKM juga mengesan sebanyak 1,095 bilangan perokok dalam kalangan murid sekolah rendah bersamaan 0.04 peratus daripada sebanyak 2.5 juta murid sekolah rendah yang disaring.

Berdasarkan statistik yang telah dibentangkan oleh KKM tersebut jelas menunjukkan bahawa gejala merokok di kalangan pelajar sekolah sudah pada tahap yang membimbangkan. Tindakan yang lebih drastik perlu dirancang dan dilaksanakan pada tahap yang tinggi supaya gejala buruk ini dapat dibentung dan dikawal. Semua pihak harus berganding bahu bagi memastikan gejala ini dapat diuruskan dengan baik.



Pelbagai inisiatif dan kaedah kawalan boleh dilaksanakan bagi membendung perkara ini dengan kerjasama yang padu daripada pelbagai pihak berkepentingan. Ibu bapa, guru sekolah, kakitangan kesihatan dan orang awam bersama-sama pihak pembuat polisi dalam kerajaan boleh membangunkan kaedah yang bersesuaian supaya inisiatif yang dilaksanakan dapat menarik hati dan minda pelajar sekolah supaya menjauhi tabiat merokok.

Tabiat merokok di kalangan pelajar sekolah berpunca daripada banyak faktor. Namun begitu, beberapa kajian dan pemerhatian mendapati bahawa terdapat dua faktor utama yang mendorong perkara ini terjadi. Faktor utama yang dikenal pasti adalah pengaruh rakan sebaya.

Tidak dinafikan bahawa zaman menjadi pelajar merupakan masa yang terbaik untuk mendapatkan pengaruh dan kawan. Namun begitu, pemilihan kawan yang mempunyai perangai dan tabiat yang tidak elok merupakan perkara yang perlu diambil berat supaya perkara yang negatif tidak disampaikan kepada pelajar.

Lumrah pelajar berdarah muda yang pantang dicabar dan berupaya menyahut pelbagai cabaran merupakan perkara pokok kerana pelajar ini lebih mudah terpengaruh sekiranya didekah dengan tabiat merokok. Sehubungan dengan itu, semua pihak terutamanya ibu bapa perlu memainkan peranan yang jitu dalam memastikan anak-anak memilih rakan yang terbaik dan menghindari rakan yang membawa tabiat yang kurang baik. Pesanan dan titipan dari ibu bapa di rumah harus diamalkan supaya pelajar ini faham berkaitan pemilihan rakan yang elok.



Perkara kedua yang menjadi faktor kepada masalah merokok di kalangan pelajar adalah salah faham bahawa merokok dapat mengurangkan tekanan. Momokan seperti ini harus kita hindarkan dan segala fakta yang tepat ber-kaitan kesan buruk akibat merokok perlu didedahkan kepada pelajar. Kempen-kempen yang berterusan dengan menggunakan kaedah infografik yang menarik perlu dibuat oleh pihak berwajib bagi memastikan segala fakta berkaitan keburukan merokok ini dapat disampaikan dengan berkesan kepada pelajar.

Kesimpulannya, kerjasama pihak ibu bapa, guru, kerajaan dan masyarakat diperlukan bagi memastikan gejala merokok ini dapat dibendung bagi memastikan masa depan negara kita berada pada tahap yang terbaik.

KESAN MEROKOK KEPADA REMAJA

80% DARIPADA PEROKOK BERMULA DARI USIA REMAJA

KETAGIHAN

Bahan utama dalam rokok, iaitu nikotin, boleh menjasakan fungsi otak dan menyebabkan ketagihan yang serupa seperti ketagihan heroin.

KEDUTAN

Merokok menyebabkan peredaran darah ke kulit yang menyebabkan kulit anda berkedut dan kelihatan tua.

KANSER MULUT

Tabit merokok adalah punca utama kanser mulut dan lidah. Walaupun anda masih muda, tabiat merokok masih boleh menghalang mulut anda daripada membersihkan diri daripada kuman yang akan meninggalkan kesan kotor, gigi kuning, nafas yang berbau dan penyakit gusi.

PENYAKIT JANTUNG

Merokok adalah punca utama serangan jantung. Menghisap rokok menyempit salurran darah anda, menyebabkan darah tinggi dan mengakibatkan jantung anda bekerja lebih keras untuk mengalirkan darah ke seluruh badan.

PENYAKIT PARU-PARU

Seorang perokok berisiko 20 kali ganda maut disebabkan kanser paru-paru. Paru-paru seorang perokok lemah akibat menghadapi asma/lelah atau emfisima.

KATARAK

Menghisap rokok meningkat risiko anda untuk menghidap katarak, iaitu suatu penyakit mata yang boleh menyebabkan seseorang menjadi buta.

KEROSAKAN KULIT

Merokok menyebabkan kesan kotor pada kuku anda dan membuat jari anda kelihatan kuning.

KANSER TEKAK

Kanser tekak terutamanya disebabkan oleh tabiat merokok.

PSORIASIS

Perokok berisiko dua kali ganda untuk menghadapi penyakit psoriasis berbanding dengan individu yang tidak merokok. Penyakit ini menyebabkan kulit bersisik, kemerah-merah, kering dan gatal.

ULSER PERUT

Merokok meningkatkan risiko menghadapi ulser peptik. Perokok yang menghadapi ulser akan lambat pulih dan berkemungkinan akan mendapat serangan ulangan setelah sembuh. Terdapat juga bukti kukuh bahawa merokok menyebabkan peningkatan risiko pelbagai penyakit usus.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

**RINGKASAN KURSUS/ BENGKEL/PEPERIKSAAN
JULAI HINGGA SEPTEMBER 2023**

JULAI 2023

| BIL | AKTIVITI | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|------------------------|--|-------------------|----------------|
| 1 | KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU SKIM PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19 | 03-29 JULAI 2023 | 43 |
| 2 | KURSUS ASAS KEBAKARAN | 04-06 JULAI 2023 | 26 |
| 3 | KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) | 04 -06 JULAI 2023 | 30 |
| 4 | BENGKEL TOT PEMAHAMAN ARAHAN KESELAMATAN (MPL) | 11-13 JULAI 2023 | 21 |
| 5 | KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) | 11-13 JULAI 2023 | 34 |
| 6 | KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK | 11-13 JULAI 2023 | 41 |
| 7 | PEPERIKSAAN KHAS UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19 (PSL) DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN | 13 JULAI 2023 | 141 |
| 8 | KURSUS PEGAWAI PENGELAS | 26-27 JULAI 2023 | 26 |
| 9 | KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT | 26-27 JULAI 2023 | 40 |
| JUMLAH PESERTA: | | | 402 |



"Orang yang suka berkata jujur mendapatkan tiga hal: kepercayaan, cinta dan rasa hormat."

~Saidina Ali bin Abi Talib~

**RINGKASAN KURSUS/ BENGKEL/PEPERIKSAAN
JULAI HINGGA SEPTEMBER 2023**

OGOS 2023

| BIL | AKTIVITI | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|------------------------|--|-----------------|-----------------------|
| 1 | KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN | 02-03 OGOS 2023 | 58 |
| 2 | KURSUS PENGENDALIAN BUKU DAFTAR RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B | 02-03 OGOS 2023 | 36 |
| 3 | KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN | 08-09 OGOS 2023 | 29 |
| 4 | KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) | 08-10 OGOS 2023 | 26 |
| 5 | KURSUS INTEGRITI SIRI 2/2023 | 09-10 OGOS 2023 | 30 |
| 6 | PEPERIKSAAN KHAS UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP29 (PSL) DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI | 10 OGOS 2023 | 40 |
| 7 | PROGRAM JERAYAWAYA | 16 OGOS 2023 | 30 |
| 8 | KURSUS PEGAWAI PENGELAS | 16-17 OGOS 2023 | 30 |
| 9 | KURSUS PENGENDALIAN KUNCI KESELAMATAN DAN TATACARA NOMBOR | 17 OGOS 2023 | 29 |
| 10 | KURSUS <i>TRAINING OF TRAINERS</i> INSPEKTORAT | 22-23 OGOS 2023 | 23 |
| 11 | KURSUS <i>TRAINING OF TRAINERS</i> KESELAMATAN FIZIKAL | 29-30 OGOS 2023 | 30 |
| JUMLAH PESERTA: | | | 361 |

"Kegagalan memang perlu berlaku supaya diri ini belajar daripada kesilapan. Apabila gagal mengecapai kejayaan yang diinginkan, jangan pernah berasa diri telah gagal namun jadikan sebagai semangat untuk bangkit pada masa hadapan."

~Dr. Mohd Fadzilah Kamsah~

**RINGKASAN KURSUS/ BENGKEL/PEPERIKSAAN
JULAI HINGGA SEPTEMBER 2023**

SEPTEMBER 2023

| BIL | AKTIVITI | TARIKH | JUMLAH PESERTA |
|-----------------|--|-------------------------------------|----------------|
| 1 | PEPERIKSAAN MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 | 05 SEPTEMBER 2023 | 36 |
| 2 | KURSUS BACIS LIFE SUPPORT-CPR SIRI 1/2023 | 06 SEPTEMBER 2023 | 37 |
| 3 | KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA RASMI BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT | 06-07 SEPTEMBER 2023 | 27 |
| 4 | KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHRU SKIM PENOLONG PEGAWAI GRED KP29 DAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 | 11 SEPTEMBER HINGGA 05 OKTOBER 2023 | 205 |
| 5 | TAKLIMAT EKSEKUTIF | 27 SEPTEMBER 2023 | 104 |
| 7 | LATIHAN KEBOMBAAN DAN LATIHAN CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR) YANG DIANJURKAN OLEH PROGRAM KEMAHIRAN PEGAWAI | 27 SEPTEMBER 2023 | 267 |
| 8 | PROGRAM MEWARNA DAN BERBERITA | 27 SEPTEMBER 2023 | 34 |
| JUMLAH PESERTA: | | | 710 |

"Negeri kita ini unik. Tidak ada 'isme' yang boleh diimport dari luar negeri. Kita kenalah tadbirkan negeri ini secara sendiri!"


~Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj~
Perdana Menteri Malaysia (1957-1970)



JUMLAH PESERTA KURSUS/BENGKEL/PEPERIKSAAN



JUMLAH KURSUS/BENGKEL/PEPERIKSAAN YANG DITAWARKAN



BERTUKAR MASUK



PUAN HAZUFIZA BINTI MD ZULKIFLI PEMBANTU KESELAMATAN KP19

Tahun 2012 sehingga March 2022
Pembantu Keselamatan KP19
PUSPEN Sepang

Tahun 2022 March hingga Julai 2022
Pembantu Keselamatan KP19
PUSPEN Dengkil

Tahun 2022 Ogos hingga April 2023
Pembantu Keselamatan KP19
Agensi Dadah Kebangsaan Ibu Pejabat (AADK)

Tahun 2023 Mei hingga kini di ILKEM
Pembantu Keselamatan KP19
Program Akademik & Kompetensi



PUAN AMIRAH BINTI ABU BAKAR PEMBANTU KESELAMATAN KP19

Tahun 2012 Ogos sehingga April 2017
Pembantu Tadbir N19
Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sultan Azlan Shah

Tahun 2017 April sehingga Februari 2021
Pembantu Keselamatan KP19
PUSPEN Sungai Besi.

Tahun 2021 Februari sehingga Julai 2023
Pembantu Keselamatan KP19
PUSPEN Jelebu.

Tahun 2023 Julai sehingga kini di ILKEM
Pembantu Keselamatan KP19
Program Pendidikan dan Kesedaran Keselamatan Perlindungan

LANTIKAN BAHARU



MOHD SYAMIM BIN SAMSUL BAHARI PEMBANTU KESELAMATAN KP19

Tahun 2019 Ogos sehingga Julai 2023
Pengawal Keselamatan KP 11
PUSPEN Gambang (AADK)

Tahun 2023 Julai sehingga kini di ILKEM
Pembantu Keselamatan KP19
Program Asas dan Kemahiran Pegawai

LANTIKAN BAHARU



MOHD FAIZAL BIN ABU SAMAN
JURUTEKNIK KOMPUTER FT19

Tahun 2009 Mac sehingga Jun 2016
Juruteknik komputer Ft 19
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Tahun 2016 Julai sehingga Jun 2017
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Pengaturcara)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Tahun 2017 Julai sehingga September 2023
National Institutes of biotechnology Malaysia
Institut Genom dan Vaksin Malaysia

Tahun 2023 September hingga kini di ILKEM
Juruteknik komputer Ft 19




SHARMILA BINTI MOHD TAUFIK
JURUTEKNIK KOMPUTER FT19

Tahun 2019 April sehingga Februari 2022
Pembantu Perawatan Kesihatan U11
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban

Tahun 2022 Februari sehingga September 2023
Pembantu Perawatan Kesihatan U11
Klinik Kesihatan, Nilai

Tahun 2023 September hingga kini di ILKEM
Juruteknik Komputer Ft19

"Apabila menjadi pemimpin, tugasmu menjadi lebih payah. Jangan ikut resmi ketam yang menyuruh anaknya berjalan betul kerana yang berjalan betul itu bukan kaki tetapi hati nurani"



~Dato' Baharuddin Zainal~
Sasterawan Negara

KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ)



Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) 06 Jun hingga 08 Jun 2023 di hadiri seramai 48 orang dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi.

Objektif kursus ini adalah meningkatkan kefahaman mengenai dasar, peraturan dan sistem kawalan keselamatan dalam jabatan serta memperolehi dan bertukar-tukar pengetahuan untuk menghasilkan keselamatan perlindungan yang teratur dan berkesan.

Antara penceramah yang terlibat ialah Encik Mazlan Bin Md Nor Ketua Seksyen Keselamatan daripada Jabatan Perdana Menteri Bahagian Khidmat Pengurusan, Encik Ag. Mohd Ismail Bin A.M. Nordin Ketua Program Pendidikan dan Kesedaran Keselamatan Perlindungan daripada Institut Latihan Keselamatan Perlindungan (ILKEM) dan Puan Azreena Binti Mohd Norawi Penolong Pegawai Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEGAWAI KESELAMATAN GRED KP41



Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Keselamatan Gred KP41 di Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai jabatan telah diadakan pada 8 Jun 2023.

Seramai 4 orang calon yang hadir di dalam Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Keselamatan Gred KP41 Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM)

Ketua Pengawas:

Puan Maryafatin Hajar binti Ibrahim
Penolong Pegawai Keselamatan Tinggi
Program Pendidikan dan Kesedaran Keselamatan Perlindungan
ILKEM

Pengawas:

Encik Rosno Irwan bin Roslan
Penolong Pegawai Keselamatan
Program Akademik dan Kompetensi
ILKEM



KURSUS TRAINING OF TRAINERS (TOT) KESELAMATAN FIZIKAL



Kursus Training Of Trainers (TOT) Keselamatan Fizikal diadakan pada 13 Jun hingga 14 Jun 2023 bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan (ILKEM) dan seramai 30 orang calon yang telah hadir.

Antara objektifnya adalah memberi kefahaman mengenai dasar, peraturan dalam tadbir urus dan pengoperasian (*technical/non-technical*) keselamatan perlindungan dan sistem kawalan keselamatan perlindungan dalam kementerian/jabatan/ agensi dan badan berkanan.

Penceramah:

Encik Muhamad Sofandi bin Bujang
Pegawai Keselamatan Kerajaan
Seksyen Keselamatan
Jabatan Perdana Menteri

KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)



Pada 16 Jun 2023, YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed, Pengarah Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YDH DSP Mat Ghani bin Lateh, Timbalan Ketua Polis IPD Nilai di Bilik Mesyuarat Saphire IPD Nilai.

Turut mengiringi YBrs. Tuan Pengarah ILKEM, Puan Salmah binti Shahidan, Pendaftar ILKEM, Encik Mohd Ahmadshah bin Othman, Ketua Program Akademik dan Kompetensi, Puan Nurul Haswani binti Saiman, Ketua Program Asas dan Kemahiran Pegawai, Puan Nur Aimi Hanisah binti Abas, Timbalan Pendaftar dan wakil-wakil program di ILKEM.

Kunjungan hormat ini bertujuan bagi memperkuatkan jaringan perhubungan di antara ILKEM yang terletak di Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan dan juga Ibu Pejabat Polis Daerah Nilai. Kedua-dua pihak turut berkongsi pandangan dan cadangan berkaitan Program Usahasama yang bakal dilaksanakan di ILKEM dengan kerjasama pihak IPD Nilai kelak.



KURSUS PENGENALAN KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT ICT SIRI 2/2023



Kursus Pengenalan Kesedaran Keselamatan Maklumat ICT Siri 2/2023 diadakan pada 20 Jun hingga 21 Jun 2023 dihadiri seramai 17 orang peserta. Pengisian Modul adalah seperti berikut :

Pengurusan Keselamatan Rahsia Rasmi Dalam Persekutuan ICT

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Forensik Digital

Jabatan Penjara Malaysia

Ancaman Keselamatan Siber

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Standard Perlindungan Data Peribadi

Jabatan Perlindungan Data Peribadi

Dasar Kriptografi Negara

Agensi Keselamatan Siber Negara

Keselamatan Maklumat Dan Rangkaian

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC)



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN SUKATAN PEPERIKSAAN DAN JADUAL PENENTU UJIAN (JPU) BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK JABATAN DAN PEPERIKSAAN PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)



Bengkel Penambahbaikan Sukatan Peperiksaan dan Jadual Penentu Ujian (JPU) bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan dan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) di Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai jabatan diadakan di Bilik Tutorial 3, Blok Akademik Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) pada 21 Hingga 22 Jun 2023 dihadiri seramai 10 orang peserta.



Bengkel ini bertujuan untuk menambahbaik sukatan peperiksaan perkhidmatan subjek jabatan dan peperiksaan PSL selaras dengan perubahan dan pertambahan akta/arahan/pekeliling dan garis panduan yang terkini selaras dengan perkembangan semasa dan menambahbaik Jadual Penentu Ujian (JPU) bagi membantu para penggubal soalan dalam menyediakan soalan-soalan peperiksaan selaras dengan sukatan peperiksaan yang terkini.

Penceramah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) :

Encik Muhamad Fikrie bin Ahmad
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Cawangan Operasi Perkhidmatan (COP)



Encik Muhammad Haniff bin Huzaizi
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Perkhidmatan Cawangan Operasi Perkhidmatan (COP)

KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN BAGI LANTIKAN BAHARU SKIM PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19

Pada 03 Julai 2023 hingga 28 Julai 2023 bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM). ILKEM telah mengadakan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan bagi lantikan baharu skim Pembantu Keselamatan Gred KP19 seramai 43 pelatih kursus asas yang terdiri daripada 31 pelatih lelaki dan 12 pelatih Wanita.



Perancangan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) bagi pembangunan sumber manusia adalah selaras dengan dasar latihan sumber manusia sektor awam iaitu setiap pegawai lantikan baharu Pejabat CGSO perlu melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan sikap disiplin, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian melalui Program Pembangunan Sumber Manusia yang terancang dan berteraskan kepada pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.



MAJLIS PERBARISAN TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU SKIM PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP19 CGSO

Pada 28 Julai 2023, bertempat di ILKEM., seramai 43 pelatih kursus Asas yang terdiri daripada 31 pelatih lelaki dan 12 pelatih wanita telah berjaya menamatkan Latihan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan Lantikan Baharu Skim Pembantu Keselamatan KP19 di ILKEM, Negeri Sembilan.



YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah merasmikan upacara penutup perbarisan tamat latihan kursus Asas ini. Majlis ini turut dihadiri YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia (Dasar), YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat CGSO, Pengarah-Pengarah Keselamatan Kerajaan Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kuala Lumpur serta Pegawai-Pegawai Kanan Kader CGSO di Kementerian, Jabatan dan Agensi.





Pihak Pengurusan Tertinggi CGSO mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelatih yang berjaya menamatkan latihan kursus asas dengan jayanya. semoga dengan ilmu dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang latihan dijalankan, ianya menjadi pedoman dan panduan ketika menjalankan tugas-tugas keselamatan perlindungan di Kementerian, Jabatan dan Agensi. Selamat datang dan selamat menyertai CGSO. Tahniah

KURSUS KESEDARAN AWAM (KURSUS ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 2/2023



Kursus yang dijalankan merangkumi kaedah teori dan amali. Sebagai asas pengetahuan dalam bidang keselamatan kebakaran, peserta-peserta akan didedahkan dengan topik kimia kebakaran. Praktikal kawad kebombaan diajar bagi membimbing dan membiasakan peserta bertindak dengan betul ketika berlakunya kecemasan atau kabakaran .



Kursus Kesedaran Awam

(Kursus Asas Kawalan Kebakaran) Siri 2/2023 pada 04 Julai Hingga 06 Julai 2023 bertempat di ILKEM dan peserta seramai 26 orang. Penceramah dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Nilai, Negeri Sembilan.

Objektif Kursus:

Meningkatkan kefahaman mengenai tindakan awal sekiranya berlaku kebakaran. Mendedahkan tentang teknik yang betul bagi memadam kebakaran.

Meningkatkan keyakinan diri setiap peserta dan memupuk semangat kerjasama dan semangat berpasukan



Topik sistem perlindungan pasif dan aktif diajarkan secara teori dan amali bagi membolehkan peserta memahami dan mengendali pepasangan yang terdapat di bangunan. Peserta juga akan didedahkan dengan kandungan Akta Bomba 341 iaitu kesalahan –kesalahan di bawah Akta Bomba.

Sabagai penghuni bangunan, mereka perlulah mengetahui kaedah pengungsiang bangunan dan penggunaan alat pemadam api mudah alih, ianya terkandung dalam modul kursus ini.

LATIHAN MENEMBAK SENJATA API



“Menimba Pengetahuan Dalam Mengendalikan Senjata Api Mengikut Undang-undang”, intipati ucapan YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) ketika merasmikan Program Latihan Menembak Senjata Api jenis pistol, 9mm. Latihan berkenaan telah diadakan di Lapang Sasar Maktab Penjara Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia. Turut dihadiri YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Pengarah-Pengarah Keselamatan Kerajaan Negeri serta pegawai dan kakitangan CGSO.



Sesi latihan ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Amat Arif Datuk Amran bin Mat Zain, Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), YBrs. Tuan Mohd Yani bin Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan Malaysia, Tuan Mohd Basyir bin Che Kob, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Tuan Abdullah Zuhdee bin Ab Halim, Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri, dan Tuan Mohd Anas bin Muhamad Dzarib, Timbalan Pengarah Bahagian Perisikan dan Operasi Khas (PASTAK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).



Tujuan latihan menembak ini diadakan adalah sebagai latihan, pendedahan dan pengalaman baharu bagi meningkatkan kecekapan penggunaan senjata api dan juga memantapkan mental dan fizikal kepada pegawai dan kakitangan CGSO. Semoga kursus ini dapat memberikan pengalaman yang baik kepada para peserta khususnya berkaitan undang-undang dan tatacara penggunaan senjata yang betul supaya warga CGSO lebih bersiap siaga dalam menghadapi cabaran di masa akan datang.

"Iman tanpa ilmu bagaikan lentera di tangan bayi. Namun ilmu tanpa iman",
bagaikan lentera di tangan pencuri

~Hamka~



MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL ILKEM

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil anjuran Biro Agama pada 18 Ogos 2023 (Jumaat) di Surau At-Taqwa.



Semua kakitangan ILKEM secara tidak langsung terlibat di dalam Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil termasuklah Anggota Rela dan Pekerja Pembersihan Lanskap.



Ulama' mensyarahkan, bahawa bacaan Surah Yasin bagi yang sedang mendekati ajal akan menjadi bekal kepadanya. Ia juga boleh dibaca kepadanya setelah meninggal dunia tak kira di rumah atau perkuburan.

Yasin dan tahlil dibacakan, agar pahalanya sampai kepada arwah. Sebaik jenazah dikebumikan, ia dibacakan pada hari ke-3, ke-7, ke-20 ke-40 atau ke-100 pemergiannya. Tempoh ini signifikan dengan perubahan yang terjadi kepada mayat di dalam kubur. Daripada malam pertama berjumpa Munkar & Nakir, kepada membusuknya lidah, perut dan kemaluan, kemudian mata, perut, limpa, sampai semuanya reput, hingga yang tinggal hanyalah rangka.

Imam Sayuthi berkata, "Sesungguhnya Imam Thawus (seorang tabiin) berkata: "Seorang yang mati akan beroleh ujian daripada Allah dalam kuburnya selama tujuh hari. Maka mereka menggalakkan agar mengadakan jamuan makan (sedekah) untuknya selama hari-hari tersebut." Sahabat Ubaid Ibnu Umair berkata: "Seorang Mukmin akan beroleh ujian selama tujuh hari, sedangkan seorang munafiq selama 40 hari pada waktu pagi." Abu Hurairah pernah mendirikan solat dengan niat pahalanya dihadiahkan kepada orang lain.

Daripada ini, ulama' memutuskan:

Melakukan ibadat untuk dihadiahkan kepada orang lain, dibenarkan.

Menyebut nama orang yang ingin dihadiahkan amalan, dibenarkan.

Mendirikan ibadat di masjid dengan niat beroleh berkat & ingin menghadiahkan pahala, dibenarkan.

Rujukan : Ustaz Muhamdir Haji Joll. 2014. Kekeliruan Umat Inilah Jawapannya. Galeri Ilmu





PROGRAM SEMARAK MERDEKA

1. PERTANDINGAN MEWARNA STAF ILKEM

** BERTEMPAT DI PUSAT SUMBER ILKEM
(SILA BAWA PENSIL WARNA/PENSIL
KRAYON SENDIRI)

2. PERTANDINGAN FOTO KREATIF MERDEKA

15 OGOS 2023 HINGGA
15 SEPTEMBER 2023

Selamat,
HARI MERDEKA
31 OGOS

Hadiah menarik menanti pemenang



TARIKH TUTUP PENYERTAAN ADALAH PADA 17 SEPTEMBER 2023



Pertandingan mewarna bertemakan Kemerdekaan merupakan salah satu medium bagi staf ILKEM untuk memberi kesedaran dan menanam semangat patriotisme dalam kalangan staf ILKEM bersempena bulan Kemerdekaan ini.

Selain itu, ianya turut memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran motor halus dan kasar mereka menjadi lebih baik.

Di samping itu, pertandingan mewarna ini juga turut dimeriahkan lagi dengan anak-anak staf ILKEM bagi menghidupkan lagi suasana Program Semarak Merdeka yang dijalankan di Pusat Sumber ILKEM dan ianya telah diadakan secara mini dan tertutup sempena minggu Bulan Kemerdekaan bagi kalangan staf ILKEM.

Matlamat utama penganjuran aktiviti bersempena sambutan Kemerdekaan bagi memupuk semangat patriotisme dan cinta akan negara di samping mencungkil bakat-bakat terpendam staf ILKEM dan anak-anak dalam bidang seni mewarna.

*Jalur gemilang Bendera Malaysia,
Megah Berkibar Setiap Hari, SelaluLah
Kita Berdoa PadaNya, Supaya Malaysia
Terus Aman Harmoni.*

"Undang-undang adab dan budi pekerti membentuk kemerdekaan bekerja. Undang-undang akal membentuk kemerdekaan berfikir. Dengan jalan menambah kecerdasan akal, bertambah murnilah kemerdekaan berfikir."

~Hamka~

KEMBARA MERDEKA

Kg. Sungai Baru, Melaka

28-29 OGOS 2023

Warga ILKEM

Ajuran Biro Rekreasi, ILKEM



Pantai Teluk Kemang, Port Dickson



Muzium Tentera Darat, Port Dickson


Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah mengadakan Program Kembara Merdeka di bawah Anjuran Biro Rekreasi ILKEM. Program ini telah di rasmikan oleh Tuan Roselan bin Mohamed Ketua Pengarah ILKEM bersama Puan Salmah binti Shahidan Pendaftar ILKEM. Seramai 20 peserta warga ILKEM menyertai Program Kembara Merdeka, 10 buah motosikal dan 3 buah kereta. Konvoi Kembara Merdeka ini telah berlepas dari ILKEM, Bandar Enstek, Nilai sehingga ke Kg Sungai Baru, Melaka sejauh 70.5km mengambil masa kira-kira 1 jam 6 minit. Tujuan Program Kembara Merdeka ini adalah bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme dan rasa cintakan tanah air dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Mengibarkan bendera ketika konvoi beramai-ramai ianya dapat menarik minat orang yang melihat dan timbulnya perasaan akan cintakan tanah air.

Semangat cintakan tanah air merupakan aspek yang sentiasa perlu ada dalam jati diri masyarakat bagi memastikan keluhuran dan kestabilan sesebuah negara itu kekal terjamin. Hilangnya semangat patriotisme akan mengakibatkan timbulnya keretakan kedamaian sesebuah negara. Jika ada yang mengatakan semangat cintakan tanah air bermula daripada sekolah, penyataan sedemikian adalah dusta semata. Patriotisme perlu bermula dari rumah, ia perlu dipupuk sejak dari kecil, mengenali apa itu jalur gemilang, bangsa yang ada di malaysia, kepelbagaiannya kebudayaan yang terkandung di dalamnya, semua itu harus dipupuk dalam diri setiap anak-anak.

Selain daripada itu, dengan adanya program sebegini, ianya dapat meningkatkan hubungan silaturahim di antara kakitangan ILKEM dan memupuk budaya yang harmoni serta dapat meningkatkan aurat positif di kalangan kakitangan ILKEM dalam suasana bekerja, saling mengenali antara satu sama lain, hormat menghormati di antara satu sama lain dan saling berkerjasama dengan semangat yang segar dalam melakukan tugas dan amanah yang diberikan.



Kampung Sg. Baru, Melaka



Kesimpulannya, pelbagai usaha boleh dijalankan oleh setiap pihak dalam memastikan rasa cinta akan negara dalam kalangan masyarakat kita kekal selamanya. Pepatah melayu ada berkata, hujan emas di negeri orang hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. Pepatah ini membawa maksud sejauh mana kemajuan neogra asing, adalah lebih baik kita menghargai negara kita yang selama ini menjadi tempat kita berteduh dan mencari rezeki. Setiap ahli masyarakat mempunyai obligasi untuk memastikan negara kita mengekalkan kedaulatannya serta berkembang maju seiring dengan negara membangun yang lain.

TAKLIMAT EKSEKUTIF “RASUAH,STRES DAN PENGORBANAN”

Program Taklimat Eksekutif yang bertajuk “Rasuanah,Stres dan Pengorbanan” telah diadakan pada 27 September 2023 di Auditorium Institut Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan (ILKEM). Penceramah Taklimat Eksekutif ini telah disampaikan oleh Dato'Haji Abdul Samat bin Kasah iaitu Mantan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuanah Malaysia (SPRM).



Taklimat ini telah memberikan pendedahan kepada peserta untuk mengetahui dan memahami dasar-dasar semasa yang berkaitan pembudayaan integriti, tadbir urus dan antirasuanah. Memahami bentuk-bentuk kesalahan rasuanah, kesan-kesan buruk jenayah rasuanah dan langkah-langkah mencegahnya. Di samping itu, ia juga berupaya mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk meningkatkan kerjasama dalam pencegahan rasuanah secara bersepadau dan tersusun serta memahami tanggungjawab mereka sebagai perjawat awam untuk melaporkan rasuanah dan membudayakan integriti dalam semua urusan semasa menjalankan tugas.



Peserta yang terlibat di dalam taklimat eksekutif ini adalah daripada kalangan Pengarah-pengarah Bahagian CGSO, Pegawai dan kakitangan CGSO serta pelatih-pelatih Kursus Asas Keselamatan Perlindungan bagi Lantikan Baharu Skim Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 dan Pengawal Keselamatan Gred KP11.

LATIHAN KEBOMBAAN DAN LATIHAN CARDIOPULMONARY RESUSCITATION (CPR)



Latihan kebombaan dan Latihan *Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)* yang dianjurkan oleh Program Kemahiran Pegawai telah diadakan pada 27 September 2023 bertempat di bilik tutorial 6 dan bilik tutorial 5, Institut Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan (ILKEM). Peserta adalah pelatih-pelatih Kursus Asas Keselamatan Perlindungan bagi Lantikan Baharu Skim Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 dan Pengawal Keselamatan Gred KP11.


Tujuan Latihan Kebombaan dan Latihan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) Ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelatih dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai pentingnya tatacara dan peranan pertolongan cemas. Dengan adanya latihan sebegini ianya dapat menentukan tindakan yang betul dalam memberikan rawatan kecemasan jika berlaku kemalangan.



Pelatih juga turun di ajar bagaimana memberikan bantuan kecemasan dengan yakin dan berkesan. Menyedari bagaimana ilmu dan kemahiran pertolongan cemas dapat membantu mangsa yang tercedera. Di samping itu, pelatih juga turun diajar menggunakan emergency first aid dengan kaedah yang betul untuk merawat kecederaan seperti luka, pendarahan, melecur, terbakar, patah dan terseluh dan yang terakhir adalah mempelajari cara mengangkat dan menghantar pesakit menggunakan stretcher serta menggunakan kaedah pertolongan cemas CPR.

"Jangan takut mencuba perkara baru dalam kehidupan. Kalau kita berjaya, Alhamdulillah. Kalau gagal, kita akan lebih bijak sebab belajar dari kesilapan"

~Dato Ustaz Mohd Kazim Elias~






(MOHD SHAMIER BIN MOHD SHAKIR)

Penolong Pegawai Keselamatan
PUSPEN Tiang Dua
Melaka

Bayang-Bayang

*Kerinduan itu
umpama Qais
yang melalui rumah Laila
lalu mencium dinding rumahnya dan
yang dirindu itu bukanlah dinding tapi
si penghuninya
Laila*

*Orang-orang sedar
memandang
semua yang hadir dalam hidup adalah
bayang-bayang rindu
yang sedang menjemput pulang untuk
ke pintu masuk
rumah Tuhan*



PUSAT SUMBER INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)



Program mewarna dan bercerita telah diadakan pada 27 September 2023 bertempat di Pusat Sumber Institut Latihan Keselamatan Perlindungan (ILKEM) yang melibatkan Sekolah Kebangsaan Bandar Enstek (SKBE) dan Sekolah Kebangsaan Kuarters KLIA (SKKKLIA). Program Mewarna dan Bercerita ini telah melibatkan 30 orang murid tahap 1 serta diiringi 4 orang guru.

Tujuan program ini adalah untuk mencungkil bakat-bakat murid dari pelbagai sudut antaranya ialah kreativiti, berkemahiran serta berkeyakinan tinggi dan juga berani. Selain itu, Program Mewarna dan Bercerita ini juga dapat menjalankan ukhwah di antara pihak sekolah bersama ILKEM dalam merancang program-program yang membina untuk masa mendatang serta bersama-sama menggunakan kemudahan yang telah disediakan bagi memastikan pelajar-pelajar ini berasa seronok untuk memasuki setiap aktiviti yang dijalankan di sekolah.

Akhir sekali, dengan adanya jalinan ini, secara tidak langsung ia juga dapat memperkenalkan ILKEM di kalangan orang awam.



PUSAT SUMBER INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)

Pusat Sumber Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah beroperasi bermula Februari 2022, merupakan unit di bawah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.

Pusat Sumber ILKEM memberi kemudahan kepada warga kerja ILKEM dan peserta kursus/latihan/bengkel membuat rujukan. Di antara kepentingan pusat sumber ialah dapat memupuk amalan membaca serta mampu untuk meningkatkan pengetahuan seseorang.



Setakat ini ianya hanya menawarkan perkhidmatan bacaan dan rujukan kepada semua warga kerja ILKEM dan peserta kursus/latihan/bengkel.

Manakala pinjaman hanya untuk warga kerja ILKEM sahaja.

*Ilmu itu bukan yang dihafal,
tetapi yang memberi manfaat*

-Imam Syafi'i-

PEMULANGAN DAN PEMINJAMAN SEMULA BUKU BERKELOMPOK

Pemulangan semula dan peminjaman semula buku berkelompok telah dilaksanakan pada 16 ogos 2023 Di Perpustakaan Negara.

Ianya bertujuan untuk memastikan perpustakaan ILKEM sentiasa memperolehi buku-buku yang berlainan sekaligus dapat menambah ilmu pengetahuan yang meluas dalam bidang yang tertentu. Selain itu, ia juga dapat menampung koleksi bahan bacaan perpustakaan jika ianya tidak mencukupi.



*Siapa yang menghendaki kehidupan dunia, maka harus disertai dengan ilmu.
Dan siapa yang menghendaki kehidupan akhirat, juga harus dengan ilmu.*

-Imam Syafi'i-




BUKU PILIHAN JULAI 2023

TAJUK : MASA DALAM KEHIDUPAN
PENULIS : DR.YUSUF AL-QARADHAWI
ISBN : 978-967-366-185-5

Secara umumnya, buku ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian 1: Al-Quran dan Sunnah memberikan perhatian penting terhadap waktu, dan Bahagian 2: Masa manusia antara semalam, hari ini dan esok. Dalam bahagian 1, dikongsikan tentang pentingnya seorang muslim memelihara masa bagi urusan ibadah dan kehidupan sehariannya. Dalam bahagian 2 pula, kita boleh belajar tentang golongan yang obses dengan masa lalu. Tak sudah2 bermegah-megah dengan kejayaan tok neneknya atau kisah keturunannya.

Dikongsikan juga ayat-ayat di mana manusia yang menolak ajaran para nabi dengan ayat yang lebih kurang berbunyi mereka memilih untuk mengikut apa yang selama ini telah diamalkan oleh datuk nenek mereka. Isi penting ini mengingatkan saya beberapa amalan budaya tradisi yang diagung2kan melebihi ajaran agama Islam. Bagi perbahasan berkenaan masa hadapan, penulis telah mengupas tentang pemikiran yang hanya memikirkan masa hadapan dan pada masa yang sama menolak dan melupakan segala warisan, sejarah dan panduan yang mengandungi pengajaran. Allah s.w.t. dalam al-Quran mengingatkan manusia supaya mengambil faedah daripada masa lampau (rujuk Surah al-Haj ayat 46). Diringkaskan, pandangan yang benar terhadap masa adalah dengan melihat masa lampau bagi menceduk pengajaran. Berkaitan perspektif hari ini dan esok, esok akan menjadi hari ini manakala hari ini akan menjadi semalam. Sentiasalah kita muhasabah diri supaya dapat beramal dengan lebih baik keesokan harinya. Banyak lagi pengetahuan tentang masa yang dibincangkan dalam buku ini.






BUKU PILIHAN OGOS 2023

TAJUK : PLATUN HARIMAU

PENULIS : MOHD RADZI ABD HAMID

ISBN : 978-983-46-0416-5



Novel ni mengisahkan tentang semangat juang yang kuat dalam diri setiap parajurit negara kita yang bergadai nyawa dalam memastikan keamanan negara kita terjamin.

Bagaimana kecekalan ahli skuad Platun Harimau yang dipimpinan oleh Lt Fauzi dalam menjalani misi negara walaupun terpaksa berkorban masa dan tenaga dalam melawan musuh.

Dalam misi menjaga keamanan negara, terselit juga kisah cinta diantara Lt Fauzi dan Inspektor Baini.





**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

Persiaran Timur 3, Bandar Enstek, 71760 Bandar Baru Enstek
Negeri Sembilan

No.Telefon : 06-799 3301
No. Faksimili : 06-799 4667

www.cgso.gov.my